

07 JUL 1998

BLR-PENGURANGAN/I

BLR MESTI DITURUNKAN LAGI, KATA PENGANALISIS

Oleh: Durga Varma

KUALA LUMPUR, 7 Julai (Bernama) -- Tekanan kerajaan yang berterusan terhadap bank-bank supaya mengurangkan kadar faedah mula membuahkan hasil, terutamanya selepas pengurangan keperluan rizab berkanun (SRR) daripada 10 peratus kepada lapan peratus.

Sejak itu, bank-bank mula mengurangkan kadar pinjaman asas (BLR) mereka sebanyak 20 mata asas kepada di antara 11.90 dan 12.10 peratus.

Penganalisis, bagaimanapun, berkata pengurangan 20 mata asas tidak mencukupi untuk merangsang kegiatan ekonomi kerana kos pinjaman antara bank masih disifatkan mahal.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menerajui usaha mengurangkan kadar faedah kerana banyak perniagaan mengalami masalah dalam suasana mudahtunai yang ketat, matawang yang amat lemah dan harga aset yang meningkat.

"Masa ekonomi rancak, pemotongan SRR dua peratus akan membawa penurunan ketara sekurang-kurangnya dua peratus dalam BLR," kata peniaga perbendaharaan dari sebuah bank tempatan.

Beliau memberitahu Bernama bahawa dalam jangka panjang (tiga hingga enam bulan) kedua-dua kadar pinjaman dan kadar antara bank akan turun kepada paras yang lebih realistik jika pemotongan SRR dapat membantu kadar faedah yang lebih rendah, walaupun secara beransur-ansur.

Peniaga itu berkata kecuali jika kadar antara bank dan pinjaman jatuh di bawah 10 peratus, perniagaan akan terus tidak mendapat faedah daripada pemotongan SRR.

Para pelanggan bank telah membayar kadar faedah di antara 15 dan 16 peratus sementara kadar pinjaman bank-bank di antara mereka adalah 11 peratus.

Dua minggu lepas, Mahathir berkata kerajaan sedang berusaha untuk merangka formula supaya dapat merendahkan julat keuntungan bank dan menyatakan beliau tidak puas hati dengan bank yang cenderung untuk terus menggunakan regim kadar faedah yang tinggi pada masa perniagaan-perniagaan tergapai-gapai kerana ketiadaan wang.

SRR yang baru berkuatkuasa pada 1 Julai 1998 dan melepaskan RM8 bilion ke dalam sistem perbankan yang seterusnya mengurangkan BLR bank-bank perdagangan sebanyak 0.21 peratus dan BLR syarikat-syarikat kewangan sebanyak 0.27 peratus.

Ini melegakan tekanan terhadap kadar faedah dan, melihat dari langkah Malayan Banking Bhd, bank terkemuka negara, yang segera menyahut dengan mengurangkan BLR-nya, banyak lagi bank-bank perdagangan dijangka membuat tindakan yang sama tidak lama lagi.

Pada 2 Julai, Maybank mengurangkan BLRnya kepada 11.90 peratus daripada 12.90 peratus, manakala Standard and Chartered Bank mengurangkan BLRnya kepada 12.10 peratus daripada 12.30 peratus.

Ekoran dari itu, RHB Bank, Perwira Affin Bank dan OCBC Bank memotong BLR mereka kepada 12.10 peratus daripada 12.30 peratus.

Jeffrey Tan, pengurus pendarafan institusi kewangan di Rating Agency Malaysia Bhd (RAM), berkata: "Dengan melihat langkah-langkah yang dibuat oleh Bank Negara setakat ini, penonjolan utama mereka adalah untuk menstabilkan suasana kewangan dan membuka jalan ke arah suasana perbankan yang merangsang kegiatan ekonomi."

Dalam usaha mencapai matlamat ini, Bank Negara harus memastikan bahawa hasil daripada kadar faedah yang rendah ini, sistem tidak akan mengalami

risiko aliran keluar modal yang akan melemahkan lagi ringgit dan risiko pengurangan simpanan swasta.

-- BERNAMA

DVS JR MA